




## ZULFAQAR Journal of Defence Management, Social Science & Humanities

Journal homepage: <https://zulfaqarjdmssh.upnm.edu.my/index.php/zjdmssh/index>



### PEMBENTUKAN GENERASI AL-FATEH BERTERASKAN AL-QURAN DAN AL-SUNNAH FORMATION OF AL-FATEH GENERATION BASED ON AL-QURAN AND AL-SUNNAH

Muhamad Izzat Farhan bin Mohd Poad<sup>a</sup>, Amnah Saayah binti Ismail<sup>a\*</sup>

<sup>a</sup> Faculty of Management and Defence Studies, National Defence University of Malaysia (NDUM), Kuala Lumpur, Malaysia

\*Corresponding author: [amnah@upnm.edu.my](mailto:amnah@upnm.edu.my)

#### ARTICLE INFO

##### Article history:

Received

09-07-2021

Received in revised

01-12-2021

Accepted

13-12-2021

Available online

31-12-2021

##### Keywords:

Generasi, Kisah Pemuda,  
Muhammad al-Fateh, al-  
Quran, al-Sunnah.

e-ISSN: 2773-529X

Type: Article

#### ABSTRACT

Generasi muda adalah pengganti kepemimpinan masa kini. Kebangkitan dan kejatuhan sebuah negara adalah bergantung kepada keperibadian, pengetahuan, dan kemampuan kepemimpinan mereka. Penulisan ini akan membincangkan bagaimana pemimpin boleh dibentuk berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah dan menjadikan Sultan Muhammad al-Fateh sebagai contoh. Kedudukan Sultan Muhammad al-Fateh sebagai penguasa muda dengan standard moral yang tinggi, sentiasa mahu menambah pengetahuan dan usaha yang berterusan untuk mengasah kemahirannya harus menjadi inspirasi bagi pemuda masa kini. Dengan menggunakan metodologi analisis kandungan, kajian ini mendapati bahawa banyak panduan sudah digariskan dalam Al-Quran dan Sunnah yang dapat digunakan dalam membentuk pemimpin masa kini. Pada masa yang sama, keperibadian Sultan Muhammad al-Fateh juga dapat dijadikan model untuk melengkapkan lagi proses yang diperlukan dalam membentuk generasi di bawah bimbingan Al-Quran dan Sunnah.

*The younger generation is the successor of today's leadership. The rise and fall of a nation are underpinned by their personality, knowledge, and leadership capabilities. This writing will then discuss how leaders are formed based on al-Quran and al-Sunnah and make Sultan Muhammad al-Fateh an example. The stature of Sultan Muhammad al-Fateh as a young ruler with high moral standards, his hunger for knowledge and his never-ending effort to sharpen his skills should be the inspiration for today's youth. Using content analysis methodology, the study found that many guidelines are already outlined in the Quran and Sunnah that could be utilised in shaping today's leaders. At the same time, the personality of Sultan Muhammad al-Fateh can be used as a model to complement further the processes required in shaping the generation under the guidance of the Quran and Sunnah.*

© Amnah Saayah binti Ismail 2021. All rights reserved.

DOI: <https://doi.org/10.58247/jdmssh-2021-0402-13>

#### 1.0 Pendahuluan

Generasi muda merupakan tunjang kekuatan masa depan sesebuah negara. Keperibadian terpuji, ilmu dan kemahiran yang pelbagai seharusnya dimiliki sebagai persiapan menjadi seorang pemimpin berintegriti. Bagi mencapai matlamat ini, masyarakat khususnya generasi muda Muslim hari ini seharusnya menjadikan tokoh-tokoh Islam sebagai idola yang wajar mereka contohi. Ramai tokoh Islam yang boleh dijadikan sebagai *role model* kepada anak muda. Salah seorang tokoh yang wajar dicontohi ialah pemimpin muda ketika zaman kekhalifahan Turki Uthmaniyyah iaitu Sultan Muhammad II bin Murad.

Sultan Muhammad II juga dikenali sebagai Muhammad al-Fateh yang terkenal dengan ketokohan beliau sebagai seorang pemerintah muda yang amat terkenal dengan akhlakunya yang mulia serta pendidikan dan kemahiran yang dimilikinya sewajarnya menjadi inspirasi pemuda masa kini.

Di samping itu, Sultan Muhammad al-Fateh juga menguasai bidang lain seperti ilmu perang, seni mempertahankan diri, ilmu agama dan banyak lagi. Hal ini hasil daripada pendidikan yang sempurna yang diperolehi baginda sejak usia kecil oleh mursyid yang hebat seperti Syeikh Shamsuddin dan Syeikh Ahmad Bin Ismail Al-Kurani. Oleh yang demikian, penerapan karakter-karakter tersebut ke dalam diri generasi muda hari ini pastinya dapat membentuk keperibadian unggul sepertimana tokoh pemimpin Islam yang hebat terdahulu. Pada masa yang sama, al-Quran dan sunnah sudah pasti menjadi prinsip utama sebagai sumber panduan kita sebagai khalifah di muka bumi. Dalam usaha membentuk generasi berdaya maju, ia tidak hanya menitikberatkan pada aspek pembangunan fizikal semata-mata, tetapi ada yang lebih penting untuk dibangunkan seperti nilai spiritual (Asef, 2006). Sultan Muhammad al-Fateh merupakan seorang tokoh yang telah diberi gambaran awal kedatangannya oleh baginda Nabi Muhammad SAW. Beliau merupakan antara tokoh yang mempunyai personaliti yang unggul yang wajar dicontohi oleh umat Islam (Asmawati et al. 2019).

Personaliti Sultan Muhammad al-Fateh seharusnya menjadi teladan kepada setiap anggota masyarakat khususnya para pemimpin yang terdiri daripada pemimpin negara dan golongan pemuda sebagai pemangkin generasi akan datang. Hal ini kerana pesonaliti unggul yang dimiliki Sultan Muhammad al-Fateh sebagai susuk tubuh pemuda dan pemimpin yang beriman dan bertakwa kepada Allah SWT, bijak dalam peperangan, bersemangat waja, tidak mudah berputus asa, bertoleransi serta menghormati orang lain. Personaliti hebat seperti ini sewajarnya ada dalam diri setiap pemimpin dalam membangun tamadun Islam (Asmawati et al. 2019).

Menurut Siti (2019), perkembangan pendidikan anak muda dari zaman ke zaman semakin menurun. Perkara ini dapat dinilai melalui pendidikan yang berbeza. Jika dibandingkan pendidikan yang diamalkan pada zaman Rasulullah SAW, para pemuda diberikan pelajaran secara langsung oleh baginda Nabi SAW sehingga dapat menjamin pendidikan yang berkualiti sekaligus dapat memacu mereka untuk terus produktif serta menyumbang dalam pemerintahan dan dakwah. Manakala kisah-kisah pemuda di dalam al-Quran pula menggambarkan bagaimana kehebatan jiwa dan iman mereka dalam melalui kehidupan seharian sehingga kisah mereka disebut Allah SWT di dalam al-Quran.

Malangnya, pemuda hari ini dilihat tidak memanfaatkan usia muda mereka dengan baik. Sebaliknya, mereka banyak mengisi masa mereka dengan perkara-perkara yang melalaikan. Gejala sosial yang semakin berleluasa di negara telah menyebabkan tingkah laku anak muda hari ini semakin mencabar. Isu berkaitan keruntuhan akhlak dalam kalangan anak muda khususnya pelajar sekolah, para pemuda masa kini di semua peringkat dapat kita gambarkan menerusi peningkatan gejala negatif. Golongan muda yang terlibat dengan gejala sosial boleh diberikan pelbagai tafsiran. Menurut Zainuddin & Norazmah (2011) kumpulan yang bertentangan dengan norma dan budaya masyarakat ini terkenal sebagai golongan yang mempunyai tingkah laku devian.

Justeru, objektif penulisan ini adalah membincangkan latar belakang Sultan Muhammad al-Fateh, mengenalpasti ayat-ayat al-Quran dan hadith yang berkaitan dengan kisah generasi muda serta membuat analisis pembentukan generasi al-Fateh dengan merujuk ayat-ayat al-Quran.

## **Kajian Literatur**

Menurut Syaari (2017), dua insan unggul dalam sejarah Uthmaniyah iaitu Sultan Muhammad al-Fateh dan Sultan Sulaiman al-Qanuni mempunyai persamaan iaitu kedua-duanya mendapat pendidikan yang terbaik pada zaman mereka. Ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah serta ilmu-ilmu berkaitan tauhid dan akidah Islam adalah tonggak penting dalam melahirkan tokoh yang dapat mencipta sejarah dunia.

Kehidupan Muhammad al-Fateh sejak kecil sehingga bergelar khalifah Kerajaan Turki Uthmaniyyah sangat baik dan mendapat sentuhan ulama yang mendampinginya. Ia menunjukkan bahawa Muhammad al-Fateh sudah diasuh dengan didikan yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. Ulama merupakan insan-insan yang memiliki ilmu tentang agama Allah SWT, dengan pengetahuan yang benar dan mereka mempraktikkannya secara bersungguh-sungguh. Malah, ulama adalah manusia yang memiliki martabat yang tinggi dan mulia (Wagiman, 2016). Terdapat banyak dalil yang menunjukkan kemuliaan ulama. Antaranya ialah firman Allah SWT maksudnya, "Allah menerangkan (kepada sekalian makhlukNya dengan

dalil-dalil dan bukti), bahawasanya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, yang sentiasa mentadbirkan (seluruh alam) dengan keadilan, dan malaikat-malaikat serta orang-orang yang berilmu (mengakui dan menegaskan juga yang demikian); tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana” (Al-Quran, Ali Imran, 3:18).

Wan (2018) menjelaskan bahawa Sultan Muhammad al-Fateh mempunyai nilai kepimpinan politik yang tinggi yang berpunca daripada hubungan keimanan yang kental dengan Allah SWT. Ia terpancar menerusi hubungan baik yang dijalinan sesama manusia tanpa mengira perbezaan agama, adat resam dan keturunan. Manakala ketinggian akhlak Sultan Muhammad al-Fateh terserlah melalui hubungan diplomasi yang dijalinan dengan negara-negara luar atas tujuan untuk mengekalkan perdamaian.

Misbahul (2019) menjelaskan bahawa golongan pemuda adalah generasi yang akan mengepalai pucuk kepimpinan negara pada masa depan. Hal ini kerana generasi muda yang akan menjadi pelapis para pemimpin masa kini. Untuk merealisasikan visi ini, setiap pemuda mestilah diterapkan dengan ilmu, sikap dan jati diri yang jitu. Namun, anak muda hari ini dilihat semakin cenderung dek kerana lemas dalam kancan gejala sosial yang semakin menular. Seiring dengan perkembangan anak muda dan era yang semakin moden, ramai dalam kalangan pemuda muslim zaman kini yang akhlak dan perilakunya bertentangan dengan agama Islam. Kebanyakan daripada mereka tidak memikirkan impak bagi setiap tindakan yang dilakukan sama ada ia membawa kepada kebaikan atau membawa kepada kemudaratan. Pada era moden ini, dunia diselubungi dengan pertumbuhan teknologi yang pelbagai dan canggih.

## 2.0 Metodologi Kajian

Bagi menganalisis pembentukan generasi al-Fateh berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah, penulisan ini menggunakan kaedah analisis kandungan. Analisis kandungan sering dirujuk sebagai kaedah yang tidak mengganggu (*unobtrusive method*), iaitu merujuk kepada kaedah yang tidak melibatkan peserta penyelidikan dan adakalanya tidak juga perlu mengambilkira penyelidik itu sendiri. Ia juga dikenali sebagai kaedah bukan reaktif (Bryman, 2012). Penulisan ini telah mengadaptasi kaedah yang pernah digunakan oleh Duriau et al. (2007). Di dalam penyelidikan beliau pencarian artikel adalah berpanduan kepada penggunaan dua kata kunci dan melibatkan dua peringkat utama. Bagi tujuan persampelan data bagi penulisan ini, penulis telah meninjau artikel-artikel secara komprehensif terutamanya yang mengandungi tema pembentukan generasi al-Fateh berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah di dalam jurnal-jurnal dan buku-buku yang berkaitan di samping al-Quran dan kitab hadith sebagai rujukan utama. Antara kata kunci utama yang digunapakai ialah Generasi Muda dan Kisah Pemuda yang diperoleh hasil daripada kajian literatur pada peringkat awalan. Peringkat kedua yang berikutnya pula melibatkan semakan terhadap senarai rujukan artikel pada bahagian akhir jurnal, yang dirujuk pada peringkat permulaan. Dengan pendekatan sebegini juga penyelidikan-penyelidikan tambahan daripada artikel berkaitan turut dapat dikenalpasti untuk digunakan semasa analisis kandungan. Artikel-artikel yang diperoleh hasil dua peringkat persampelan ini telah menyediakan satu pengkalan data yang komprehensif dan terkini untuk tujuan pelaksanaan analisis kandungan.

## 3.0 Dapatan dan Perbincangan

### a. Latar Belakang Muhammad bin Murad

Sultan Muhamad II atau nama sebenar beliau Muhammad Bin Murad Bin Beyazid telah dilahirkan pada 29 Mac 1432 bersamaan 27 Rejab 835H di Erdirne, iaitu sebuah kawasan yang terletak antara Turki dan Bulgaria yang juga merupakan ibu kota bagi kerajaan Turki Uthmaniyyah (Asmawati et al. 2019). Mengikut salasilah kepimpinan empayar Turki Uthmaniyah, baginda adalah pemerintah yang ketujuh dimulai dengan pengasas empayar iaitu Uthman bin Ertughrul, Orkhan bin Uthman (726-761 H), Murad I (761-791 H), Beyazid (791-805 H), Muhammad I (781-824 H), Murad II (824-855 H) dan diikuti oleh Muhammad II (Yusuf, 2017). Sultan Muhammad mendapat gelaran al-Fateh adalah kerana kejayaan baginda menakluk kota Konstantinople (Ridwan & Bakhtiar, 2020). Malah, pasukan tentera baginda juga mendapat gelaran al-Fateh (Ridwan & Bakhtiar, 2020). Diriwayatkan juga bahawa semasa baginda dilahirkan, bapanya Sultan Murad sedang membaca al-Quran sehingga sampai pada surah al-Fath yakni surah yang mengandungi janji-janji Allah akan kemenangan buat umat Islam, lalu baginda selamat dilahirkan (Yusuf, 2017). Kehidupan baginda banyak dihabiskan dengan berkuda. Baginda tidak pernah meninggalkan solat sunat rawatib dan tahajud untuk menjaga hubungannya dengan Allah SWT (Syaifudin, 2018). Ibunda baginda bernama Huma Hatun (Yusuf, 2017).

## **b. Personaliti Muhammad bin Murad**

Asmawati et al. (2019) menjelaskan bahawa personaliti adalah aspek yang utama bagi kehidupan. Personaliti berasal daripada perkataan bahasa Arab sahsiah atau akhlak yang terdapat pada diri seseorang. Akhlak pula didefinisikan sebagai budi pekerti, perangai, tingkah laku atau kebiasaan seseorang. Pembentukan personaliti seseorang insan bukan sahaja impak daripada pengalaman semasa usia kecil, malah ia juga adalah kejadian atau aspirasi yang akan datang. Dalam perspektif Islam, personaliti adalah sikap yang ditunjukkan oleh seseorang muslim yang menepati syaria Islam. Di samping itu, dari aspek tasawur, sarjana-sarjana Islam mentakrifkan bahawa personaliti adalah sesuatu yang melibatkan hubungan manusia dengan manusia serta hubungan antara manusia dengan Tuhan. Manakala dari aspek epistemologi, sarjana Islam memberikan takrifan personaliti mestilah bersumberkan ilmu wahyu.

Sultan Muhammad al-Fateh sudah pasti mempunyai akhlak dan personaliti pemimpin yang unggul kepada rakyatnya kerana baginda telah disebut oleh Nabi Muhammad SAW 800 tahun sebelum kelahirannya dengan istilah 'sebaik-baik raja'. Personaliti ini dapat dilihat pada aspek ketaqwaan baginda dalam mentaati segala perintah Allah. Hal ini kerana baginda telah dibimbing oleh ramai ulama terkenal seperti Syeikh Syamsuddin al-Wali dan Syeikh Muhammad Ismail al-Kurani. Malah, sejak mencapai usia baligh, baginda tidak pernah meninggalkan solat fardhu, solat sunat rawatib serta solat tahajud. Personaliti baginda sebagai seorang yang beriman juga dapat dilihat semasa peristiwa kejayaan baginda dan tenteranya menakluk kota Konstantinople, baginda melakukan sujud sebagai tanda kesyukuran kepada Allah SWT. Baginda juga amat menitikberatkan kekuatan spiritiul dalam diri tenteranya dengan memastikan mereka mendirikan solat fardhu, solat tahajud serta mengamalkan zikir (Asmawati et al. 2019).

Menurut Yusuf (2017), Muhammad al-Fateh tidak pernah meninggalkan solat fardhu, solat sunat rawatib dan solat tahajud sejak mencapai usia baligh. Hal ini kerana baginda meyakini kejayaan tentera Islam tidak hanya atas faktor jumlah tentera sahaja, malah setiap kemenangan pasukan adalah pertolongan daripada Allah. Malah, baginda juga tidak pernah melalaikan solat dengan sentiasa solat berjemaah di masjid. Tambah Yusuf (2017) lagi, Muhammad al-Fateh mempunyai pemikiran yang cerdas dan fizikal yang kuat. Kekuatan ini memberi kemampuan kepada baginda untuk mengharungi halangan dan cabaran di medan jihad. Menurut Asmawati et al. (2019) daripada Najmuddin (2011), Sultan Muhammad juga licik dalam membuat percaturan perang dengan merujuk kepada strategi yang pernah dilaksanakan baginda Nabi Muhammad SAW dalam peperangan. Misalnya, baginda membuat penyamaran untuk menjalankan perisikan bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan kota Konstantinople.

Malah, Sultan Muhammad al-Fateh juga seorang yang bersikap toleransi. Hal ini dapat dibuktikan apabila baginda melarang tenteranya daripada golongan yang lemah seperti orang tua, wanita dan kanak-kanak. Baginda juga memberi pilihan kepada rakyatnya sama ada mahu memeluk Islam atau terus dengan pegangan asal mereka. Sultan Muhammad juga dikenal sebagai insan yang sentiasa bersikap tawaduk iaitu merendah diri. Asmawati et al. (2019) menyatakan bahawa semasa pembinaan Rumeli Hissari, baginda sendiri membuka serban baginda untuk bersama-sama tenteranya bekerjasama mengangkat batu dan pasir dalam pembinaan tersebut. Seterusnya, sebelum memutuskan sesuatu keputusan, baginda sentiasa berbincang dan berkongsi pendapat dengan orang bawahan baginda termasuk pengawal istana. Baginda juga sering menjadikan ulama sebagai rujukan dalam membuat keputusan. Baginda juga di samping itu adalah seorang yang pakar dalam pelbagai bidang termasuk ilmu agama, ilmu falak, ilmu mantik, geografi, matematik serta ilmu ketenteraan seperti strategi peperangan dan berkemahiran memanah. Dua insan unggul dalam sejarah Uthmaniyah iaitu Sultan Muhammad al-Fateh dan Sultan Sulaiman al-Qanuni mempunyai persamaan iaitu kedua-duanya mendapat pendidikan yang terbaik pada zaman mereka. Ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah serta ilmu-ilmu berkaitan tauhid dan akidah Islam adalah tonggak penting dalam melahirkan tokoh yang dapat mencipta sejarah dunia (Syaari, 2017).

## **c. Al-Quran Dan al-Sunnah Sebagai Panduan Pembentukan Karakter Generasi Muda**

Pemuda adalah aset negara yang amat bernilai. Kewujudan pemuda akan menentukan masa depan dan nasib sesebuah negara. Oleh itu, pendidikan adalah antara elemen yang amat perlu dititikberatkan ke dalam diri setiap pemuda untuk melahirkan generasi yang dapat membela bangsa pada masa hadapan. Namun begitu, para pemuda mestilah mempunyai semangat dan kemahuan untuk terus belajar dan menambah ilmu serta meninggalkan perkara-perkara yang sia-sia (Asef, 2006). Pemuda ditakrifkan sebagai suatu masa kehidupan manusia bermula daripada zaman kanak-kanak sehinggalah usia tua. Al-Quran mengangkat martabat golongan pemuda di dalam al-Quran. Antaranya adalah melalui kisah-kisah

teladan berkaitan pemuda seperti kisah Nabi Ibrahim a.s. (Khairul Amin, 2017). Beberapa kajian literatur oleh Asichul (2020), beliau menjelaskan bahawa definisi pemuda dapat disimpulkan sebagai mereka yang berumur 10-35 tahun atau lebih, dengan syarat, mereka yang berumur 35 tahun ke atas, secara psikologi mempunyai jiwa belia dan mempunyai identiti belia.

Antara ayat dalam Al-Quran yang mengiktiraf peranan pemuda adalah seperti surah al-Anbiya ayat ke 60 yang bermaksud,

Mereka berkata: Kami dengar ada seorang pemuda yang mencela berhala-berhala ini yang bernama Ibrahim. (Al-Quran, al-Anbiya, 21: 60)

Dalam surah al-Qasas ayat ke 14 juga ada menyebut yang bermaksud,

Dan setelah Musa cukup umur dan sempurna akal nya, Kami berikan kepadanya hikmah (kenabian) dan pengetahuan. Dan demikianlah Kami memberi balasan kepada orang-orang yang berbuat baik. (Al-Quran, al-Qasas, 28:14)

Malah, dalam surah Yusuf ayat ke 19 ada dinyatakan yang bermaksud,

Kemudian datanglah kelompok orang-orang musafir, lalu mereka menyuruh seorang pengambil air, maka dia menurunkan timbanya, dia berkata: "Oh; khabar gembira, ini seorang anak muda!" Kemudian mereka menyembunyikan dia sebagai barang dagangan. Dan Allah Maha Mengetahui apa yang mereka kerjakan. (Al-Quran, Yusuf, 12: 19)

Menurut Misbahul (2019), pemuda merupakan aset kepada bangsa dan agama. Pemuda adalah aset yang sangat bernilai dan berharga yang mempunyai keupayaan berfikir secara kritis dan terkedepan. Banyak peristiwa sejarah yang telah membuktikan bahawa pemuda memainkan peranan penting kepada bangsa. Secara keseluruhannya, pemuda memainkan peranan yang amat penting terhadap sesebuah komuniti sama ada kaum, agama mahupun bangsa. Penglibatan pemuda dalam pembangunan manusia dalam adalah berkait rapat dengan gerakan atau tindakan pemuda itu sendiri (Khairul Amin, 2017).

Dr Yusuf Qaradhawi dalam karyanya *Al Madkhal fi Ma'rifat al Islam* menyatakan bahawa Islam adalah risalah kepada kehidupan manusia. Maksudnya, perkembangan seseorang anak Adam dalam proses kehidupannya bermula daripada bayi, kanak-kanak, pemuda sehinggalah usia tua tetap mendapat perhatian khusus dalam agama. Malah, sehingga kehidupan sebelum lahir dan selepas mati. Perhatian-perhatian tersebut telah diterangkan dalam al-Quran (Khairul Amin, 2017).

Pemuda tidak seharusnya menjadikan agama semata-mata sesuatu yang berbentuk ritual, tetapi agama perlu difahami dengan lebih meluas dan dihayati serta diamalkan nilai kandungannya. Mereka tidak seharusnya hanya mempraktikkan agama secara ritual sahaja, tetapi juga mesti menghayatinya dengan mengamalkannya dalam kehidupan seharian kerana ia memberi aspek kepada seseorang pengamal dari aspek peribadi, moral dan sebagainya (Asef, 2006). Menurut Asichul (2019) daripada Khoiriyah (2014) mendefinisikan peranan sebagai satu set jangkaan yang dikenakan kepada seseorang individu menduduki kedudukan sosial tertentu. Peranan ini boleh dikaitkan dengan kerja dan tanggungjawab yang digalas oleh seseorang. Siti (2019) ada menyebut bahawa para pemuda seharusnya menjadikan Rasulullah SAW sebagai contoh teladan kepada mereka. Hal ini juga ada disebut di dalam al-Quran yang maksudnya,

Sungguh telah ada bagi kalian, pada diri Rasulullah itu suri tauladan yang baik. Bagi orang-orang yang mengharapkan perjumpaan dengan Allah, dan hari akhir. Dan dia banyak mengingat Allah. (Al-Quran, al-Ahzab, 33: 21)

Keperibadian dan kepimpinan Nabi Muhammad SAW telah dipupuk sejak usia muda lagi. Antaranya ialah ketika baginda berumur 12 tahun, baginda telah dilatih untuk mengurus perniagaan dengan membantu bapa saudara baginda berniaga sehingga baginda kemudiannya menjadi ahli perniagaan yang berjaya. Begitu juga kisah baginda Nabi Muhammad s.a.w yang dilantik untuk menjadi pemudahcara bagi peristiwa perletakan hajarul aswad sehingga beliau diberi gelaran al-Amin selain penglibatan baginda dalam Perang Fijar. Kesemuanya adalah latihan yang berjaya membentuk kepimpinan dan personaliti Nabi Muhammad s.a.w dan memberi kesan besar kepada diri baginda apabila menjadi Rasul dan ketua negara.

Siti (2019) banyak memberi contoh pemuda yang ada diceritakan di dalam al-Quran. Misalnya adalah kisah pemuda *ashabul kahfi* dalam Surah al-Kahf yang menjaga prinsip dan menentang golongan yang jauh menyimpang dari akidah yang lurus dan benar. Mereka ini telah dipilih oleh Allah untuk menjadi inspirasi kepada para pemuda yang mempunyai keberanian dan berpegang teguh kepada prinsip. Selain itu, beliau juga ada menjelaskan berkenaan salah seorang sahabat baginda Nabi SAW iaitu Anas bin Malik yang banyak mengisi masa mudanya bersama Rasulullah dengan mendengar kata-kata baginda, memperhatikan sunnah baginda serta menghafal segala wasiat baginda. Al-Quran telah memberi petunjuk kepada kita bahawa ibu bapa berperanan dalam pembentukan karakter dan sikap anak muda melalui keteladanan kepada mereka sepertimana yang digambarkan dalam al-Quran bahawa Luqman telah memberikan wasiat kepada anak-anaknya. Luqmanul Hakim adalah figura seorang bapa yang sangat bijaksana. Oleh sebab itu, ayat yang menceritakan tentang Luqman didahului dengan pujian kepadanya (Misbahul, 2019). Allah SWT berfirman maksudnya,

Dan sungguh telah kami berikan hikmah kepada Luqman, iaitu: Bersyukurlah kepada Allah. Dan barang siapa yang bersyukur (kepada Allah), maka sesungguhnya ia bersyukur pada dirinya sendiri; dan barang siapa yang tidak bersyukur, maka sesungguhnya Allah Maha Kaya lagi Maha Terpuji. Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, di waktu ia memberikan pelajaran kepadanya: Hai anakku, janganlah kamu mempersekutukan Allah, sesungguhnya mempersekutukan (Allah) adalah benar-benar kezaliman yang besar. (Al-Quran, Luqman, 31: 12-13)

Malah, wasiat-wasiat Luqman kepada anak-anaknya ada dirakamkan di dalam surah tersebut bermula daripada ayat 16 sehingga 19 yang bermaksud,

(Luqman berkata): Hai anakku, sesungguhnya jika ada (sesuatu perbuatan) seberat biji sawi, dan berada dalam batu atau dilangit atau di dalam bumi, nescaya Allah akan mendatangkannya (membasahinya): sesungguhnya Allah Maha Halus lagi Maha Mengetahui. Hai anakku, dirikanlah solat dan suruhlah (manusia) mengerjakan yang baik dan cegahlah (mereka) dari perbuatan yang munkar dan bersabarlah terhadap apa yang menimpa kamu. Sesungguhnya yang demikian itu termasuk hal-hal yang diwajibkan (oleh Allah). Dan janganlah kamu memalingkan mukamu dari manusia (karena sombong) dan janganlah kamu berjalan di muka bumi dengan angkuh. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang sombong lagi membanggakan diri. Dan sederhanakanlah kamu dalam berjalan dan lunakkanlah suaramu. Sesungguhnya seburuk-buruk suara adalah suara keldai. (Al-Quran, Luqman, 31: 16-19)

Dalam ayat ini, al-Quran menggambarkan Luqman sebagai seorang bapa yang bijaksana yang menjadi cermin pendidikan kepada anak-anaknya. Wasiat-wasiat yang diberikan Luqman kepada anak-anaknya mengandungi hakikat-hakikat pendidikan anak yang paling asas, dengan arah tujuan yang sangat jelas. Misbahul (2019) menjelaskan, berdasarkan kisah Luqman yang diceritakan di dalam al-Quran, kisah ini boleh dikaitkan dengan kehidupan pemuda dalam masyarakat yang memang tidak lekang daripada didikan ibu bapa mereka. Ibu bapa dan anak-anak seharusnya bersama-sama berkolaborasi demi kemaslahatan masa akan datang. Ibu bapa berperanan untuk menjadikan generasi muda sebagai penerus kepada agama, bangsa dan negara. Sebenarnya tidak cukup jika para pemuda sahaja yang menunggu dan dinasihatkan sahaja oleh ibu bapa dan guru mereka, malah mereka sendiri seharusnya mempunyai kesedaran akan tanggungjawab mereka.

Menurut Misbahul (2019), masa muda adalah suatu jangka masa kehidupan yang sangat bermakna kepada manusia kerana akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak. Tidak ada pemuda yang mendapat perlindungan Allah selain mereka yang banyak beribadah kepada-Nya. Oleh sebab itu, usia muda seharusnya dimanfaatkan untuk melakukan perbuatan yang baik kerana kesempatan ini hanya datang satu kali dalam kehidupan manusia di dunia. Tubuh badan yang masih sihat ditambah dengan semangat yang membara menjadi modal utama untuk menambah ilmu pengetahuan. Hal ini kerana pada usia tua, tidak banyak yang dapat dilakukan jika dibandingkan semasa usia muda dek bertambahnya umur yang diiringi dengan tahap kesihatan yang semakin merudum serta semangat juga semakin melemah. Maka, selagi masih berada pada usia muda, kesempatan untuk menunaikan kewajiban membela agama Allah seharusnya dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya (Misbahul, 2019; Hassan, 1992). Jika kehidupan kita diabadikan demi kepentingan agama, pastinya kita akan mendapat perlindungan daripada Allah dan terhindar daripada segala malapetaka. Oleh sebab itu, setiap tindakan yang kita lakukan mestilah bertujuan semata-mata untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT. Rasulullah SAW juga menganjurkan kepada para pemuda muslim untuk sentiasa mendirikan solat dan menjadikannya sebagai amalan kerana solat merupakan

ibadah wajib yang dapat mencegah dari perkara-perkara kemungkaran sebagaimana dijelaskan di dalam al-Quran maksudnya,

Sesungguhnya solat itu mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar. (Al-Quran, al-Ankabut, 29: 45)

Nabi SAW juga menegaskan agar ibu bapa sentiasa memantau pertumbuhan peribadi anak-anak mereka. Contohnya apabila mereka menginjak ke usia remaja, ibu bapa hendaklah memisahkan tempat tidur mereka. Hal ini kerana dalam usia peralihan seperti ini, anak-anak dalam proses untuk membentuk diri mereka. Maka, mereka seharusnya mendapatkan pengawasan dan bimbingan supaya mereka dapat membesar dengan baik. Oleh itu, Rasulullah SAW menganjurkan kepada ibu bapa untuk mendidik anak-anak mereka sejak dari kecil. Hal ini kerana usia kecil adalah waktu yang paling sesuai untuk membentuk keperibadian mereka (Misbahul, 2019, Zakaria, 2012).

#### **d. Analisis Pembentukan Generasi al-Fateh Berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah**

Jika kita telusuri sirah hidup Sultan Muhammad al-Fateh, kita dapati bahawa baginda telah mendapat pendidikan awal sejak usia kecil lagi. Pendidikan yang didedahkan kepada baginda bukan sahaja pendidikan agama semata-mata seperti ilmu al-Quran, ilmu fikah, tafsir dan sebagainya, malah baginda juga didedahkan dengan ilmu-ilmu sains moden seperti ilmu matematik, astronomi, bahasa dan banyak lagi. Selain itu, baginda juga telah mendapat pendedahan awal dalam kepimpinan pemerintahan melalui pelantikan baginda untuk menerajui tampuk pemerintahan kerajaan. Pendedahan awal ini telah menjadi latihan kepada baginda dan secara tidak langsung dapat membentuk kepimpinan dalam diri baginda.

Oleh itu, pengkaji berpendapat generasi muda hari ini sewajarnya didedahkan dengan ilmu-ilmu dan kemahiran sejak dari kecil lagi. Hal ini kerana melalui pendedahan awal, sedikit-tidaknya mereka dapat menguasai sesuatu ilmu atau kemahiran apabila melonjak dewasa. Pendidikan yang paling utama yang mesti dididik sejak mereka kecil ialah ilmu agama. Hal ini kerana ilmu agama dapat menghidupkan nilai spiritual dalam diri insan seterusnya membentuk akhlak dan sahsiah terpuji selari dengan kehendak syarak.

Selain itu, dalam usaha membentuk pendidikan dan personaliti generasi muda, ibu bapa mestilah memainkan peranan mereka sebagai guru pertama kepada anak-anak kerana pendidikan awal anak-anak bermula dari rumah. Ibu bapa boleh merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah berkaitan kaedah mendidik anak-anak misalnya yang diceritakan di dalam surah Luqman. Ibu bapa seharusnya menjadi contoh teladan kepada anak-anak dalam pelbagai aspek sama ada aspek akidah, akhlak, ibadah dan sebagainya. Maka, melalui pendidikan akidah, akhlak dan ibadah yang diterapkan ke dalam diri anak-anak, ia dapat melahirkan generasi muda yang berpegang teguh dengan prinsip Islam. Pegangan yang kuat kepada prinsip agama dapat melahirkan generasi yang mempunyai personaliti yang menarik serta sahsiah yang terpuji.

Seterusnya, setiap anggota masyarakat juga berperanan dalam membentuk generasi muda termasuk ibu bapa, guru-guru dan masyarakat sekeliling. Kita seharusnya memberi kepercayaan, dorongan serta sokongan kepada mereka untuk mencuba sesuatu yang baru. Hal ini sangat penting supaya mereka menyedari tanggungjawab dan peranan mereka kepada agama, bangsa dan negara.

Justeru, generasi muda seharusnya memanfaatkan masa dengan menuntut ilmu supaya dapat mengelakkan diri mereka daripada kejahatan yang boleh membawa kepada pelbagai kemudharatan. Generasi muda haruslah mencerminkan akhlak yang baik kerana akhlak adalah cerminan personaliti seseorang. Dengan personaliti yang menarik dan akhlak terpuji yang dipamerkan membolehkan mereka berketerampilan sebagai bakal pemimpin yang akan memimpin agama, bangsa dan negara ke arah kemajuan.

#### **4.0 Kesimpulan**

Kesimpulannya, al-Quran dan al-Sunnah telah memberi panduan yang berkualiti dalam membentuk keperibadian generasi muda sejak zaman berzaman. Penulisan ini cuba menjadikan Sultan Muhammad bin Murad yang digelar al-Fateh sebagai panduan dan *role model* dalam membentuk peribadi dan kejayaan baginda sebagai seorang Muslim dan pemimpin berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Bonda Sultan Muhammad iaitu Huma Hatun dilihat berjaya menjadikan al-Sunnah atau hadith Nabi SAW sebagai satu inspirasi dan pegangan unggul dalam membentuk minda bawah sadar Sultan Muhammad sedari kecil

lagi. Ia akhirnya membentuk keyakinan dalam diri Sultan Muhammad yang membawa kepada kejayaan penaklukan Kota Konstantinople. Generasi muda selayaknya menjadikan dedikasi Sultan Muhammad sebagai sebuah panduan bermakna dalam mencapai kejayaan dalam kehidupan. Personaliti baginda yang dipaparkan adalah santunan kejayaan yang terinspirasi dari didikan al-Quran dan al-Sunnah itu sendiri. Manakala ibu bapa, para pemimpin dan institusi mahu pun kurikulum pembelajaran hari ini selayaknya menjadikan al-Quran dan al-Sunnah sebagai dasar terpenting dalam membangun generasi muslim yang unggul sehingga boleh digelar sebagai generasi al-Fateh.

## Rujukan

Al-Quran.

A. Bryman. (2012). *Social Research Methods*. Fourth edition. UK: Oxford University Press.

Aas Siti Sholichah (2018). Teori-teori Pendidikan Dalam al-Quran. *Jurnal Pendidikan Islam*, 7(1), 23-46.

Abu Hanifah Haris (2020). Sejarah Kerajaan Turki Uthmaniyah Dan Sumbangannya dalam Bidang Sosiopolitik Abad Ke-14 Hingga Abad Ke-20. *Journal of Al-Tamaddun*, 15(1), 85-107.

Asef, U.F. (2006). Peran Generasi Muda dalam Keberlangsungan Pendidikan Islam. *Jurnal Pemikiran Alternatif Kependidikan*, 11(2), 1-11.

Asichul In'am (2020). Peranan Pemuda dalam Pendidikan Sosial Kemasyarakatan. *Jurnal Manajemen Pendidikan Islam*, 3(2), 67-75.

Ike Stia Rahayu. (2017). Konsep Cinta Kepada Rasulullah Saw Sebagai Suri Teladan Terhadap Pembentukan Kepribadian Anak Dalam Perspektif Islam. *Fakultas Agama Islam Universitas Muhammadiyah Palembang*.

Misbahul Wani (2019). Pemuda Dalam Al-Qur'an Dan As-Sunnah: Pemuda Islam Yang Berkualitas Tidak Lepas Dari Pendidikan Orang Tua Yang Totalitas. *Jurnal Studi Ilmu Al-Qur'an Dan Al-Hadits*, 13(1), 71-94.

Muhamad Syaifudin (2018). Nilai-Nilai Pendidikan Islam Dalam Sejarah Muhammad Al-Fatih Sebagai Penakluk Konstantinopel. Indonesia: Penerbit Fakultas Tarbiyah Dan Ilmu Keguruan Institut Agama Islam Negeri Salatiga.

Muhammad Farid al-Muhaimiy. (2006). *Al-Askariyyah al-Islamiyyah: Nahdatuna al-Hadariyyah*. Makkah: Idarat al-Sahafah wa al-Nashr.

Muhammad Syaari Abdul Rahman (2017). Kuasa Kepemimpinan Al-Fateh. Kuala Lumpur: PTS Publishing House.

Nor Asmawati, I., Najihah, A.W., Noradilah, A.W., Norliana, A.M. (2019). Tokoh Tamadun Islam Sultan Muhammad Al-Fatih Dipandang Dari Sudut Personaliti. <https://www.tatiuc.edu.my/assets/files/ICTM19-Papers/ICTM-82.pdf>

Ridwan & Nurhasanah (2020). Nilai-Nilai Pendidikan dan Dakwah Muhammad al-Fatih Sebagai Penakluk Konstantinopel. *Wardah*. 21(1), 50-64.

Siti Nurfadhillah (2019). Peran Pemuda Tarbiyah Masa Kini Dalam Perspektif Dakwah. *Fakultas Agama Islam Program Studi Komunikasi Penyiaran Islam Universitas Muhammadiyah Palembang*.

V.J. Duriau, R.K. Reger, M.D. Pfarrer, A Content Analysis of the content analysis literature in organisation studies: Research themes, data sources, and methodological refinements. *Journal of Organizational Research Methods* 10(1) (2007) 5-34.

Wagiman Manik (2016). Dasar-dasar Teoritis Pendidikan Islam. *Jurnal Warta*. Edisi (49), 23-33.

Wan Norhasniah Wan Husian. (2018). *Kepimpinan al-Fateh dan Siyasah Syar'iyah*. Kuala Lumpur: Penerbit UPNM.

Yusuf, P. (2017). Kontribusi Muhammad Al-Fatih (1429-1481) Pada Pendidikan Islam Di Pemerintahan Turki Utsmani. Indonesia: Fakultas Tarbiah dan Keguruan, Universitas Islam Negeri. 70-101.

Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan (2011). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling*, 1, 115-140.



Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf & Abdul Fatah Shahrudin (2012). Pendidikan Menurut Al-Quran Dan Sunnah Serta Peranannya Dalam Memperkasakan Tamadun Ummah. Jurnal Hadhari Special Edition, 7(22), 7-22.